



JPM-NTE-2022-01(06)

JABATAN PERDANA MENTERI

Aras -1, Setia Perdana 8,
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000 Faks : 03-8888 3106
Laman web : www.jpm.gov.my

SIARAN MEDIA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI ANWAR IBRAHIM MULA TUGAS SEBAGAI PERDANA MENTERI KE-10

25 November 2022 – Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim telah tiba di Bangunan Putra Perdana pada jam 9.00 pagi dengan disambut oleh Ketua Setiausaha Negara dan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara dan Peguam Negara.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim diiringi pegawai-pegawai kanan kerajaan dibawa mengimbas kad perakam waktu sebagai tanda bermulanya tugas beliau sebagai Perdana Menteri ke-10.

Sejurus selesai mengimbas kad perakam waktu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar terus bergerak ke ruang pejabat Perdana Menteri untuk menandatangani buku selamat datang dan selamat bertugas.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar, 75 tahun telah diperkenankan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baharu berkuatkuasa 24 November 2022.

Seluruh warga Jabatan Perdana Menteri mengalu-alukan kedatangan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar sebagai Perdana Menteri ke-10.

**JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
25 NOVEMBER 2022**

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Perdana Menteri di talian 03- 8872 3437 / 03-88723434

BIODATA
YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Tarikh Lahir : 10 Ogos 1947 (75 tahun)
Asal : Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang
Isteri : Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail

PROFIL

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim merupakan tokoh yang dikenali di seluruh dunia sebagai seorang Muslim Demokrat dan Reformis. Diangkat sebagai Bapa Reformasi atas perjuangan yang konsisten menentang ketidakadilan dan rasuah.

Seorang pemimpin berwawasan yang sentiasa meletakkan permasalahan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum sebagai keutamaan. YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim pernah cuba disekat dua kali melalui pertuduhan bermotifkan politik, kali pertama pada 1998 sehingga 2004 dan kali kedua pada 2015 hingga 2018.

Kezaliman ini bahkan memperkuat roh perjuangan beliau untuk terus membela nasib rakyat. Atas dasar kesedaran dan kemanusiaan, YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim kekal menjadi jurubicara dan denyut nadi rakyat untuk melakar Malaysia yang lebih adil buat semua.

PENGLIBATAN DALAM BADAN BUKAN KERAJAAN DAN ORGANISASI ANTARABANGSA

1980 - Kini : Pengasas dan Pengerusi Emeritus Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT)
2006 - 2008 : Pensyarah Jemputan Georgetown University, Washington DC
2006 : Felo Pelawat John Hopkins University, Washington DC
1997 - 1998 : Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Bank Dunia
1988 - 1991 : Ahli Lembaga Pengarah dan Presiden Majlis Umum Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (UNESCO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Paris
1983 - 1998 : Canselor dan Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
1972 - 1982 : Pengasas dan Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
1973 - 1976 : Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM)
1973 : Penasihat Majlis Belia Kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
1971 : Pengasas dan Pendidik Yayasan Anda Akademik

PENGLIBATAN DALAM POLITIK

UMNO

- 1990 - 1998 : Timbalan Presiden UMNO
- 1987 - 1990 : Naib Presiden UMNO
- 1982 - 1987 : Ketua Pemuda UMNO

PARTI KEADILAN RAKYAT (KEADILAN)

- 2020 - Kini : Pengerusi Pakatan Harapan
- 2018 - Kini : Presiden KEADILAN
- 2005 - 2018 : Ketua Umum KEADILAN

PENGALAMAN SEBAGAI AHLI PARLIMEN

- 2022 - Kini : Ahli Parlimen Tambun
- 2008 - 2015 : Ketua Pembangkang
- 2020 - 2022 : Ahli Parlimen Port Dickson
- 2018 - 2020 : Pengerusi Kaukus Reformasi dan Tadbir Urus Parlimen
- 2018 - 2022 : Ahli Parlimen Port Dickson
- 1982 - 1998 : Ahli Parlimen Permatang Pauh
- 2008 - 2015 : Ahli Parlimen Permatang Pauh

PENGALAMAN DALAM KERAJAAN

- 1993 - 1998 : Timbalan Perdana Menteri
- 1990 - 1998 : Menteri Kewangan
- 1987 - 1990 : Menteri Pendidikan
- 1984 - 1986 : Menteri Pertanian
- 1983 - 1984 : Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan
- 1982 - 1983 : Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

PENGIKTIRAFAN

- 2017 - 2022 : Tokoh Muslim Berpengaruh Dunia oleh *The Royal Islamic Strategic Centre, Jordan*
- 1996 : Menteri Kewangan Terbaik Asia oleh AsiaMoney
- 1993 : Menteri Kewangan Terbaik Dunia oleh EuroMoney